



**ASN Equity 3**

**4.10**

SEN PER UNIT



# BISNES

TEL 1-300-22-6787 SAMB 4979

TWITTER bisnesHM



**ASN Imbang**

**4.20**

SEN PER UNIT

**ASN Sara 1**

**5.00**

SEN PER UNIT



DR Zeti bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad pada Majlis Pengumuman Prestasi Tahunan 2018 PNB, semalam.

# ASNB UMUM DIVIDEN 5 DANA

■ **Pemegang unit ASB 2 terima pendapatan 6.00 sen seunit**

**Nabil Basaruddin**  
nabil.basaruddin  
@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**P**ermodalan Nasional Bhd (PNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan bagi lima dana yang diurus syarikat pengurusan unit amanah miliknya.

Pengumuman berkenaan membabitkan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) untuk kategori dana harga tetap manakala

Harian

ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 bagi dana harga berubah.

Pengagihan pendapatan bagi pemegang unit ASB 2 adalah 6.00 sen seunit yang akan mengagihkan RM610.7 juta kepada 404,706 pemegang unit yang memiliki 10.4 bilion unit amanah.

Sementara itu, pemegang ASM akan menerima pengagihan pendapatan sebanyak 5.50 sen seunit dengan jumlah pengagihan berjumlah RM1.1 bilion kepada 541,758 pemegang unit merangkumi 19.5 bilion unit amanah.

Pendapatan bagi ASN Equity 3 adalah sebanyak 4.10 sen seunit dan ASN Imbang 2 pula pengagihan pendapatan 4.20 sen seunit serta

Harian, Bisnes, 29/3/19, pg 41

ASN Sara 1 sebanyak 5.00 sen seunit.

Pengerusi PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz berkata, PNB mengagihkan dividen sebanyak RM15 bilion pada 2018 iaitu jumlah terbesar yang pernah diagihkan sejak penubuhan syarikat pelaburan strategik kerajaan itu.

Beliau berkata, pencapaian itu juga menjadikan dividen kumulatif berjumlah RM187 bilion sejak PNB ditubuhkan.

“Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana.

“Pengagihan yang diisyiharkan oleh ASB 2 dan ASM

akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam setiap akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik kepada akaun pemegang unit pada 1 April 2019,” katanya pada Pengumuman Prestasi Tahunan 2018 PNB di sini semalam.

Zeti berkata, pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 adalah berdasarkan baki yang dipegang pada akhir tahun kewangan setiap dana.

Katanya, pengagihan yang diisyiharkan oleh dana harga berubah itu akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan pada 1 April 2019.

## Aset PNB naik 6.9% kepada RM298.5b

**Kuala Lumpur:** Aset di bawah pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Bhd (PNB) naik 6.9 peratus kepada RM298.5 bilion pada 2018 berbanding RM279.2 bilion pada 2017, meskipun berdepan persekitaran ekonomi global dan pasaran kewangan yang mencabar.

Pengerusinya, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata, pertumbuhan AUM disokong

dana unit amanahnya yang menyaksikan unit dalam edaran meningkat 7.9 peratus kepada 236.6 bilion.

Beliau berkata, jumlah akaun juga naik kepada 13.8 juta daripada 13.2 juta, mencerminkan keyakinan pemegang unit dalam PNB dan 14 dana unit amanahnya.

“Pendapatan bersih pro-forma yang disatukan PNB kekal stabil sebanyak RM17.0

bilion pada 2018 berbanding RM17.7 bilion pada tahun sebelumnya,” katanya dalam Laporan Tahunan 2018 PNB yang dikeluarkan, semalam.

Selain itu, PNB juga berjaya melancarkan dua dana harga pembolehubah baru iaitu ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, yang mencatatkan prestasi yang menggalakkan dengan lebih 800 juta unit dijual sehingga akhir 2018.

Sementara itu, Zeti berkata, PNB juga akan mempercepatkan rancangan untuk mempelbagaikan portfolio pelaburannya kepada aset yang boleh memberikan hasil lebih tinggi.

Zeti berkata, ia akan dilaksanakan melalui Pelan Penciptaan Nilai bagi syarikat strategik dan teras milik sayap pelaburan strategik kerajaan itu.